

# Persidangan Parlimen Mahasiswa UMS bersidang April 2015

NST 18.2.2015 3

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengorak selangkah maju ke hadapan dalam pengamalan demokrasi apabila Parlimen Mahasiswa UMS akan bersidang buat pertama kalinya pada April 2015.

Sehubungan itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Profesor Madya Dr. Ismail Ali baru-baru ini telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN), Datuk Seri Salleh Tun Said Keruak.

Kunjungan tersebut bertujuan membincangkan hasrat UMS mengadakan Persidangan Parlimen Mahasiswa selain mewujudkan kerjasama dari segi pengurusan dan kelancaran persidangan kelak.

Menurut Datuk Salleh, Parlimen Mahasiswa akan memberikan pengalaman amat berguna kepada golongan mahasiswa yang terlibat sekali gus memberi pemahaman kepada mereka proses perbahasan di Parlimen.

“Harapan saya agar wakil mahasiswa yang mengambil bahagian dapat mengasah kemahiran berkomunikasi, petah berhujah, bersoal jawab, berterus-terang, kritis, terbuka dan berbudi bahasa dalam mengeluarkan pendapat atau pandangan” katanya yang akan mempengaruhi persidangan itu nanti.

Bagi Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah, beliau menyokong penuh program tersebut dan berharap dapat mengasah bakat pelajar ke arah menyumbang usaha UMS melahirkan pemimpin minda kelas pertama.

Idea ‘Dewan Mahasiswa’ yang digagaskan pada tahun 2013 oleh Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Tan Sri Abdul Aziz Rahman itu akan diteruskan di UMS dengan kerjasama DUN Sabah.